

PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
PARAS 7, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP(JPS)5181/01/02/(53)
16 Oktober 2000

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PENJELASAN KEPADA SURAT PEKELILING
KETUA PENDAFTAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BIL. 3/2000
Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Di Bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996**

Surat ini hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Ketua Pendaftar, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3/2000 bertarikh 31 Mac 2000 ("Perkeliling tersebut") untuk memberi penjelasan semula berkaitan Garis Panduan Pengiklanan oleh institusi pendidikan tinggi swasta di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

2. Kementerian Pendidikan mendapati bahawa sejak kebelakangan ini masih terdapat iklan-iklan yang melanggar syarat-syarat pengiklanan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 555 dan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengiklanan) 1997. P.U.(A) 543/97. Sila ambil maklum tafsiran perkataan "iklan" diperuntukkan dalam seksyen 74 Akta 555.

3. Selaras dengan kehendak Pekeliling tersebut serta Garis Panduan Pengiklanan Di Bawah Akta 555, semua iklan hendaklah mengandungi butir-butir seperti dalam para 2.1.1. (b) dan 2.2. (a) dan (b)] Garis Panduan Pengiklanan tersebut. Dengan itu adalah sekali lagi dijelaskan bahawa Kementerian Pendidikan menetapkan bahawa semua jenis iklan hendaklah antara lain mengandungi butir-butir berikut:-


- 3.1. Nombor rujukan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi penubuhan institusi [contoh: KP(JPS)5195/IPTS/.....()]; dan
- 3.2. Nombor perakuan pendaftaran institusi, [contoh: Stamford College PJ(SEL/IPTS/0002/71)]

Butir-butir tersebut di atas adalah maklumat asas terpenting berkaitan status 'bona fide' sesebuah institusi pendidikan tinggi swasta dari segi pendaftarannya serta kelulusan kursus-kursus yang ditawarkan. Dengan itu Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diberi tempoh masa tiga puluh hari (30) hari dari tarikh surat ini dikeluarkan bagi mematuhi kehendak para 3.1 dan 3.2.

4. Kementerian Pendidikan tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini dan kegagalan berbuat demikian membolehkan Kementerian Pendidikan mengambil tindakan mendakwa mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta yang melanggar peraturan ini.
5. Surat penjelasan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATO' SERI Dr. ABDUL SHUKOR ABDULLAH)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir
Setiausaha Parlimen
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah-Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pengarah-Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
12. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
13. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia
14. Presiden
Persatuan Kolej-Kolej Swasta Malaysia (MAPCO)
No. 1, Persiaran Utama, Bandar Utama
Petaling Jaya

15. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi-Institusi
Pendidikan Swasta dan Bebas (NAPIEI)
35A, Jalan SS 22/19
Damansara Jaya
Petaling Jaya
16. Persatuan IPTS Bumiputra Malaysia (PINTAR)
Wisma YPM Jalan 6/91
Taman Shamelin Perkasa
Kuala Lumpur
17. Gabungan IPTS Bumiputra
L & G Twintech Institut of Technology
Tingkat 5, Blok E,
Pusat Perdagangan Sri Damansara
Persiaran Industri, Bandar Damansara
Kuala Lumpur